

## ANALISIS PRAGMATIK KESANTUNAN DAN KETAKSANTUNAN BAHASA DALAM PERBAHASAN PARLIMEN 2018

Khairul Izzat Amiruddin<sup>i</sup> & Hasmidar Hassan<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (*Pengarang Bersama*). Pelajar. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. izzatamiruddin92@gmail.com

<sup>ii</sup> Pensyarah. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. hasmidar@um.edu.my

### Abstrak

Kajian aspek kesantunan berbahasa dan ketaksantunan berbahasa di Malaysia banyak tertumpu pada komunikasi pelajar dan mahasiswa, komen-komen di laman Facebook dan rancangan bual bicara di televisyen dan novel. Namun, belum ada kajian yang memanfaatkan sidang perbahasan parlimen yang disiarkan secara langsung di saluran televisyen Malaysia. Walaupun ada yang mengkaji perbahasan parlimen, namun aspek yang dikaji adalah tentang penggunaan frasa yang samar, teknik perdebatan dan teknik perundingan. Justeru, kajian ini mengambil langkah untuk mengkaji aspek kesantunan dan ketaksantunan dalam perbahasan parlimen atas dasar ahli-ahli majlis ini merupakan wakil rakyat yang dipilih rakyat dalam pilihanraya yang lalu. Sebagai wakil rakyat dengan gelaran 'yang terhormat', jangkakan rakyat ialah individu ini berperibadi mulia, berbudi bahasa dan selayaknya dihormati sebagai pemimpin-pemimpin negara. Oleh itu, kajian ini akan memanfaatkan data penyata rasmi perbahasan parlimen bagi mencungkil apakah strategi kesantunan dan ketaksantunan yang digunakan ahli-ahli parlimen sewaktu bersidang. Data dianalisis dengan menggunakan teori Kesantunan Brown dan Levinson (1978, 1987), Model Kesantunan Noriati A. Rashid (2005) dan model ketaksantunan Culpeper (1996, 2005) dan Culpeper et al., (2003). Kajian ini juga dapat memperlihatkan sejauh manakah ahli-ahli majlis parlimen di bawah pimpinan Kerajaan Pakatan Harapan mematuhi aspek kesantunan berbahasa sewaktu berbahas.

**Kata kunci:** *kesantunan dan ketaksantunan berbahasa, perbahasan, parlimen, wakil rakyat*

### 1.0 PENGENALAN

Bahasa memainkan peranan penting dalam kehidupan kita kerana bahasa merupakan alat perantaraan yang digunakan oleh kelompok masyarakat untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Menurut Abd. Wahid Jais dan Faezah Kassim (2009), alat komunikasi ini diperlukan dan digunakan dalam menyampaikan dan mengutarakan kehendak, maksud, harapan serta gagasan supaya dapat diketahui dan difahami oleh orang lain. Penggunaan bahasa dalam komunikasi ini mampu mencerminkan fikiran, budaya, budi pekerti, dan jiwa seseorang pengguna bahasa.

Aspek kesantunan berbahasa merupakan satu aspek yang penting yang perlu diterapkan dalam diri seseorang pengguna bahasa. Kepentingan ini jelas kerana kesantunan merupakan tonggak keharmonian antara pelbagai kaum. Hal ini jelas apabila aspek Kesopanan dan Kesusilaan diangkat sebagai prinsip Rukun Negara Malaysia yang kelima (Raduan Tambi, 2013). Beliau turut mengatakan bahawa kesopanan dan kesusilaan seseorang boleh dinilai berdasarkan tingkah laku dan tutur kata atau kesantunan berbahasa seseorang itu. Tingkah laku dan tutur kata dalam berbahasa menjadi asas kepada keterampilan sesuatu bangsa. Kekuatan atau keterampilan sesuatu bangsa dinilai melalui cara bangsa itu menggunakan bahasa sebagai alat komunikasi dan pengukuh kepada perpaduan bangsa tersebut. Konsep ini sesuai dengan slogan kata "Bahasa Jiwa Bangsa" yang bermaksud bahasa sebagai milik mutlak sesuatu bangsa yang menjadi identiti kebangsaan dan menunjukkan jati diri sesuatu bangsa. Dengan kata lain, aspek kesantunan berbahasa ini penting dalam mempamerkan identiti dan status sosial penutur atau pengguna bahasa itu sendiri.

Kajian tentang aspek kesantunan berbahasa yang dijalankan sebelum ini memang agak banyak, namun belum ada yang menyentuh aspek kesantunan berbahasa dalam perbahasan sidang parlimen Malaysia. Justeru, atas sebab-sebab yang akan dijelaskan dengan lebih lanjut, pengkaji berpendapat bahawa satu kajian tentang kesantunan berbahasa dalam perbahasan sidang parlimen di Malaysia perlu dilakukan. Hal ini demikian kerana perbahasan sidang

parlimen merupakan perbahasan yang melibatkan individu penting, iaitu pemimpin negara yang dipilih oleh rakyat sebagai wakilnya dalam menangani isu-isu berkaitan rakyat sendiri yang disiarkan secara langsung dan impaknya tinggi jika penutur tidak menjaga adab dan tatasusila semasa berhujah.

### **1.1 Permasalahan Kajian**

Memandangkan kajian terhadap perbahasan parlimen dari sudut kesantunan dan ketaksantunan belum dijalankan oleh mana-mana pengkaji sebelum ini, maka pengkaji terdorong untuk mengkaji aspek kesantunan dan ketaksantunan dalam perbahasan parlimen dengan menggunakan Teori Kesantunan oleh Brown dan Levinson (1978 & 1987), Model Kesantunan Noriati A. Rashid (2005) dan Model Ketaksantunan Culpeper (1996, 2005) dan Culpeper et al., (2003). Hal ini demikian kerana sebagai anggota parlimen dan individu yang dihormati, ahli parlimen perlu menjaga kredibiliti dan tidak seharusnya dianggap sebagai tidak sopan dan tidak berbudi bahasa ketika berbahas. Walau bagaimanapun, sejak kebelakangan ini aspek kesantunan berbahasa kelihatan tidak dijadikan amalan harian oleh sebahagian anggota sidang parlimen ketika perbahasan. Sebaliknya, kita sering kali menyaksikan keriuhan perbahasan anggota sidang parlimen yang berlaku di parlimen akibat penggunaan bahasa yang mengetepikan nilai kesantunan berbahasa ini. Melalui kajian yang diketengahkan, dapatan akan memperlihatkan sejauh mana ahli sidang parlimen mengaplikasikan strategi kesantunan dan ketaksantunan dalam perbahasan di parlimen.

### **1.2 Objektif Kajian**

Kajian ini dilakukan untuk:

- i. mengenal pasti bentuk kesantunan dan ketaksantunan dalam perbahasan Parlimen Malaysia 2018.
- ii. mengkategorikan jenis strategi kesantunan dan ketaksantunan dalam perbahasan Parlimen Malaysia 2018.
- iii. menjelaskan tujuan penggunaan strategi kesantunan dan ketaksantunan dalam perbahasan Parlimen Malaysia 2018.

### **1.3 Persoalan Kajian**

- i. Apakah bentuk kesantunan dan ketaksantunan dalam perbahasan Parlimen Malaysia 2018?
- ii. Apakah jenis strategi kesantunan dan ketaksantunan dalam perbahasan Parlimen Malaysia 2018?
- iii. Apakah tujuan penggunaan strategi kesantunan dan ketaksantunan dalam perbahasan Parlimen Malaysia 2018?

### **1.4 Skop Kajian**

Skop kajian ini terbatas pada aspek kesantunan dan ketaksantunan dalam perbahasan parlimen keempat belas, penggal pertama, mesyuarat pertama 2018. Aspek kesantunan dan ketaksantunan yang dikenal pasti akan dikelaskan mengikut jenis strategi kesantunan dan ketaksantunan berbahasa. Selain itu, kajian ini juga akan menjelaskan maksud dan tujuan penggunaan ujaran yang dikelaskan sebagai santun dan tak santun dalam perbahasan sidang parlimen yang dipilih. Data yang diperoleh seterusnya akan dianalisis menggunakan Teori Kesantunan oleh Brown dan Levinson (1978 & 1987), Model Kesantunan Noriati A. Rashid (2005) dan Model Ketaksantunan Culpeper (1996, 2005) dan Culpeper et. al., (2003).

## 2.0 TINJAUAN LITERATUR

Cornelia Ilie (2010) telah mengkaji strategi sistem panggilan dalam kalangan ahli Parlimen di United Kingdom dan Sweden. Kajian ini menyelusuri strategi yang digunakan dalam sapaan sesebuah institusi bagi meningkatkan imej dan kedudukan parti politik. Beliau telah menggunakan teori prinsip kesantunan oleh Leech (1983). Data kajian diambil daripada korpus perbahasan 11 sesi perbahasan Parlimen United Kingdom pada tahun 2001 dan 2004 serta 11 sesi perbahasan Parlimen Sweden pada tahun 2005. Kajian mendapati ahli Parlimen United Kingdom menggunakan gelaran “Yang Berhormat” berserta nama Parlimen yang diwakili atau berasaskan jantina seperti “Tuan/Puan Yang Berhormat” manakala ahli Parlimen Sweden memanggil ahli Parlimen lain menggunakan nama mereka.

Kajian seterusnya ialah kajian yang dilakukan oleh Marlyna Maros (2011) yang bertajuk “Strategi Kesantunan Melayu dalam Membuat Teguran”. Kajian ini membincangkan strategi kesantunan oleh penutur asli bahasa Melayu daripada kalangan profesional muda dalam membuat teguran. Data diperoleh daripada kajian lakuan bahasa yang melibatkan rakaman interaksi membuat teguran dan temu bual separa terancang. Data dianalisis berdasarkan teori Kesantunan Brown dan Levinson (1978, 1987). Kajian dianalisis berdasarkan strategi berekod (on-record) atau secara terangan dan strategi tanpa berekod (off-record) atau secara bayangan dan hasil kajian menunjukkan bahawa strategi berekod lebih kerap digunakan oleh penutur berbanding strategi tanpa berekod. Kajian ini juga mendapati bahawa penutur asli bahasa Melayu masih berpegang pada nilai budaya meskipun telah melalui proses urbanisasi, modernisasi dan globalisasi.

Selain itu, Nawal Fadhil Abbas (2014) dalam kajiannya tentang “Using (Im) Politeness Strategies to Achieve Social (Dis)harmony: A Pragmatic Analysis of M. L. Montgomery’s *Anne of Green Gables*” telah menganalisis novel Sastera iaitu “*Anne of Green Gables*” hasil karya L. M. Montgomery bagi menunjukkan cara mana ke(tidak)harmonian sosial ditonjolkan dengan menggunakan teori ke(tidak)santunan. Untuk mencapai analisis dalam kajian, pengakaji telah mengambil kira beberapa ciri, khususnya kehendak muka positif dan muka negatif, jarak, kuasa, keintiman, segolongan dan membentuk hubungan mesra yang diberikan perhatian oleh Anne dalam interkasinya dengan orang lain di Avonlea dikaji secara dekat. Analisis pragmatik ini dijalankan dengan menggunakan teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987) sebagai teori utama dan model Ketidaksantunan Culpeper (1996, 2005 dan Culpeper et al., 2003) dan model Pengurusan Hubungan Baik oleh Spencer-Oatey (2002) sebagai teori sampingan. Kajian mendapati penggunaan kesantunan positif oleh Anne kebanyakannya berlaku pada sub-strategi seperti menyedari dan memberikan perhatian pada H, mendapatkan persetujuan, menggunakan petunjuk identiti dalam kumpulan dan memberikan alasan. Manakala kesantunan negatif tergambar melalui penggunaan kata-kata yang dapat meminimumkan pengenaan dan menjadi tidak langsung secara konvensional.

## 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan salah satu cara untuk menyelesaikan masalah atau isu dalam penyelidikan secara lebih sistematik (Kumar, 2008). Kumar (2008) menyatakan bahawa dalam metodologi, pengkaji akan mengkaji pelbagai langkah yang boleh diterima secara umumnya oleh pengkaji itu sendiri dalam mengkaji masalah atau isu penyelidikan dengan logik dan seterusnya mampu mencapai matlamat kajian. Dalam bahagian ini, pengkaji menerangkan metodologi kajian yang digunakan dalam menyelesaikan masalah atau isu kajian ini, iaitu yang berkaitan dengan strategi kesantunan dan ketaksantunan dalam perbahasan parlimen keempat belas, penggal pertama, mesyuarat pertama 2018.

### 3.1 Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan definisi dan ciri-ciri yang telah dikemukakan oleh Strauss & Corbin (1997). Menurut Strauss & Corbin (1997), kaedah kualitatif bermaksud sebarang jenis penyelidikan yang menghasilkan dapatan yang bukan melalui prosedur statistik atau lain-lain jenis pengiraan. Dalam kajian ini, data yang dikutip bukan berbentuk nombor atau statistik yang memerlukan pengiraan, tetapi mengambil kira kualiti iaitu bentuk dan inti pati kandungan.

### 4.0 KERANGKA TEORITIS

- i. Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1978 & 1987)
- ii. Model Kesantunan Noriati A. Rashid (2005)
- iii. Model Ketaksantunan Culpeper (1996, 2005) dan Culpeper et al., (2003)

### 5.0 DAPATAN KAJIAN

Analisis yang dibuat mendapati terdapat jenis strategi kesantunan dan jenis strategi ketaksantunan yang digunakan oleh ahli parlimen dalam perbahasan parlimen dewan rakyat keempat belas, penggal pertama, mesyuarat pertama, 2018. Bagaimana pun bagi tujuan penulisan kertas kerja ini hanya membincangkan dua strategi kesantunan dan dua strategi ketaksantunan berbahasa sahaja.

#### 5.1 Perbincangan Strategi Kesantunan

##### 5.1.1 Strategi Persetujuan:

Strategi persetujuan merupakan salah satu strategi yang menunjukkan bahawa penutur mempunyai hak untuk mengekalkan hubungan komunikasi mereka (Brown dan Levinson, 1978, 1987). Menurut Brown dan Levinson (1978: 1987), penutur secara sengaja mencari topik perbualan untuk menunjukkan persetujuan penutur terhadap pendengar atau pasangan komunikasi. Dengan kata lain, penutur menggunakan strategi ini untuk menyetujui cadangan atau pandangan yang dikemukakan oleh pendengar atau pasangan dalam komunikasi (Noriati A.Rashid, 2007).

Strategi persetujuan ini boleh dikenal pasti berdasarkan ciri atau penanda linguistik yang terdapat dalam ujaran tersebut (Noriati A.Rashid, 2007). Penanda linguistik atau bentuk linguistik bagi strategi ini ialah ungkapan '**ya...ya..**', '**setuju**', '**terima**', dan '**betul**' atau ungkapan positif yang menunjukkan bahawa cadangan tersebut dipersetujui seperti '**eloklah**' dan '**bagus**' (Noariati A.Rashid). Menurut Brown dan Levinson (1978, 1987), strategi ini juga kebiasaannya melibatkan penutur **mengulangi sebahagian** atau **semua ungkapan** yang diujarkan oleh pasangan sebelum ini untuk menunjukkan persetujuan dengan emosi dan lafaz.

Berikut ialah data untuk menunjukkan penggunaan strategi persetujuan dalam perbahasa parlimen 2018:

#### DATA 1

Jerlun: Saya tidak bermaksud untuk kerajaan-kerajaan negeri ini meminta peruntukan yang lebih daripada Kerajaan Persekutuan. Kita pun faham, seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi mengenai fiskal defisit ini. Akan tetapi cuma hendak minta supaya agihan itu lebih adil dan saksama mengikut keperluan.

Menteri Kewangan: Saya memang **bersetuju** dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Jerlun tadi tentang perlunya kita melihat semula dan dalam aspek ini pihak Kerajaan Persekutuan rela menimbang cadangan-cadangan yang disyorkan.

DATA 1 menunjukkan penggunaan strategi persetujuan dalam ujaran kerana ujaran Menteri Kewangan menunjukkan bahawa beliau bersetuju dengan cadangan atau ujaran oleh Ahli Parlimen Jerlun. Persetujuan ini dapat dilihat apabila Menteri Kewangan menggunakan penanda

atau bentuk linguistik '**bersetuju**' dalam ujaran "**Saya memang bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Jerlun**". Situasi tersebut menunjukkan bahawa Ahli Parlimen Jerlun telah meminta supaya agihan peruntukan kewangan daripada kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri lebih adil dan saksama mengikut keperluan dan permintaan tersebut telah dipersetujui oleh Menteri Kewangan. Selain itu, pendapat atau pandangan yang dikemukakan oleh Brown dan Levinson (1978, 1987) bahawa penutur biasanya mengulangi sebahagian atau kesemua ungkapan dalam strategi ini ternyata benar. Misalnya, Menteri Kewangan mengulangi sebahagian ungkapan yang disampaikan oleh Ahli Parlimen Jerlun, iaitu "perlunya kita melihat semula.." dalam kenyataannya.

### 5.1.2 Strategi Terima Kasih:

Dalam Teori Kesantunan oleh Brown dan Levinson (1978, 1987), strategi terima kasih tidak dicadangkan sebagai salah satu strategi kesantunan berbahasa. Namun, data yang dikaji menunjukkan terdapat banyak penggunaan strategi ini dalam perbahasan parlimen 2018. Justeru, pengkaji berpendapat bahawa data ini wajar diketengahkan dan dikelaskan mengikut strategi yang dicadangkan oleh Noriati A.Rashid (2007) atas faktor latar sosial, bangsa, dan agama ahli parlimen yang berbahasa.

Menurut Noriati A.Rashid (2007), strategi terima kasih ini boleh hadir pada sepanjang proses komunikasi, sama ada awal, pertengahan ataupun akhir. Kata 'terima kasih' merujuk pada pernyataan penghargaan atas pemberian (pertolongan dan sebagainya) yang telah diperoleh (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2008-2016). Justeru, strategi terima kasih boleh dikatakan sebagai salah satu cara yang digunakan oleh penutur untuk menunjukkan penghargaan penutur kepada pendengar atas pemberian atau pertolongan yang diperoleh. Strategi ini juga digunakan untuk menggambarkan sikap atau perlakuan seseorang yang sentiasa berterima kasih atau menghargai atas setiap budi yang diterima. Strategi terima kasih juga boleh dikenal pasti berdasarkan penggunaan penanda linguistik yang terdapat dalam ujaran penutur. Penanda linguistik yang ditandai dalam strategi ini ialah ungkapan 'terima kasih' (Noriati A.Rashid, 2007).

Data penggunaan strategi terima kasih dalam perbahasan parlimen 2018 adalah seperti berikut:

#### DATA 2

1. Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri telah melalui perubahan yang besar selepas PRU14, adakah Kerajaan Persekutuan berhajat untuk menilai semula hubungan kewangan dengan kerajaan negeri berkaitan perkongsian hasil kutipan cukai supaya negeri-negeri yang tidak punyai sumber pendapatan yang besar dan lestari seperti minyak dan gas dapat membangun seiring dengan negeri-negeri yang kaya.

Menteri Kewangan

[Tuan Lim Guan Eng]: Terlebih dahulu Tuan Yang diPertua, saya ingin mengucapkan tahniah atas lantikan sebagai Speaker untuk Parlimen yang baru dalam negara yang baru dan juga mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Parlimen yang telah pun dipilih oleh rakyat dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 dan juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, serta juga kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang yang baru tadi. Tuan Yang di-Pertua, **terima kasih** kepada soalan yang ditujukan kepada pihak Kementerian Kewangan daripada Yang Berhormat Jerlun. [Disampuk.] Terima kasih.

Berdasarkan DATA 2, penggunaan strategi terima kasih oleh Menteri Kewangan dapat dikenal pasti dengan jelas berdasarkan ungkapan '**terima kasih**'. Strategi ini dilakukan bertujuan untuk memberikan penghargaan kepada Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir selaku Ahli Parlimen Jerlun atas soalan yang diberikan. Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir telah mengajukan soalan bahawa adakah Kerajaan Persekutuan berhajat untuk menilai semula

hubungan kewangan dengan kerajaan negeri berkaitan perkongsian hasil kutipan cukai supaya negeri-negeri yang tidak punyai sumber pendapatan yang besar dan lestari seperti minyak dan gas dapat membangun seiring dengan negeri-negeri yang kaya. Menteri Kewangan menghargai soalan yang dikemukakan dan mengucapkan 'terima kasih' atas soalan yang diberikan.

## 5.2 Perbincangan Strategi Ketaksantunan

### 5.2.1 Strategi Ketaksantunan Negatif:

Strategi ketaksantunan negatif oleh Culpeper merujuk pada strategi yang digunakan untuk merosakkan air muka negatif (Culpeper, 2005). Culpeper (1996) juga telah membentuk beberapa strategi untuk menjatuhkan air muka negatif. Strategi tersebut terdiri daripada menakutkan, membuat cemuhan atau ejekan, menyerang dalam peluang lain, dan mengaitkan dengan aspek negatif.

Data bagi menunjukkan penggunaan strategi ketaksantunan negatif dalam perbahasan parlimen 2018 adalah seperti berikut:

DATA 3
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Individu-individu yang terlibat tidak duduk lagi— mereka patut duduk di mahkamah.
Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Ini ruang diberikan kepada saya.
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ini floor saya.
Dato' Sri Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Ini menunjukkan <b>dia baru hendak jadi samseng lah.</b>
Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Baik, sekejap.

Berdasarkan DATA 3, ucapan oleh Dato' Sri Bung Mokhtar bin Radin dikenal pasti dapat digolongkan dalam strategi ketaksantunan negatif kerana beliau cuba mengaitkan Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji dengan aspek negatif melalui penggunaan kata "Ini menunjukkan **dia baru hendak jadi samseng lah.**" yang ditujukan kepada beliau. Perkataan yang disebut oleh Dato' Sri Bung Mokhtar bin Radin dianggap sebagai negatif kerana membawa kata-kata ini mengimplikasikan maksud yang negatif dalam konteks perbahasan tersebut. Perkataan 'samseng' merujuk pada seseorang penjahat (Kamus Dewan Edisi Keempat). Penggunaan kata atau istilah tersebut dianggap tidak santun digunakan kerana Dato' Sri Bung Mokhtar bin Radin telah mengaitkan seorang ahli sidang dewan perbahasan dengan perkara yang negatif. Cemuhan yang dilemparkan juga ternyata digunakan oleh Dato' Sri Bung Mokhtar bin Radin untuk menunjukkan perasaan tidak puas hati terhadap kenyataan yang dibuat oleh Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji.

### 5.2.2 Strategi Penggunaan Sindiran:

Penggunaan sindirin atau *sarcasm* atau *mock politeness* merujuk pada strategi yang digunakan oleh penutur, iaitu berpura-pura dalam menyampaikan ucapan. Kata 'sindiran' merujuk pada tindakan seperti perkataan yang digunakan untuk mengatai (mengeji, mengejek, mencela) orang lain tidak dengan terus terang atau secara kiasan (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2008:2016). Menurut Culpeper (1996), penutur menggunakan strategi kesantunan yang jelas menunjukkan perbuatan tidak ikhlas atau sindiran yang memerlukan pendengar mempunyai tahap pemahaman yang tinggi.

Data yang menunjukkan penggunaan strategi penggunaan sindiran dalam perbahasan parlimen 2018 adalah seperti berikut:

**DATA 4**

Kuala Krau: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan sebagai Speaker.  
Soalan saya, selama ini Kerajaan Persekutuan telah diberi kuasa untuk mengutip semua cukai-cukai di dalam negara kita bersesuaian dengan Perlembagaan Negara kita. Dengan Malaysia kerajaan baharu ini, adalah Kerajaan Persekutuan bersedia untuk memberikan kuasa kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk mengutip cukai?  
Sebagaimana semasa Yang Berhormat Menteri duduk di sebelah sini, Yang Berhormat Menteri sebut walaupun tidak setuju dengan GST tetapi minta kutipan GST itu diserahkan dan dikembalikan kepada Pulau Pinang. Jadi adakah kerajaan sekarang bersedia untuk menyerahkan kuasa kepada kerajaan negeri untuk mengutip cukai-cukai dan juga melupuskan hutang negeri Pahang kerana hutang yang tertinggi adalah untuk membekalkan bekalan air bersih kepada penduduk negeri Pahang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih soalan tambahan daripada bekas Yang Berhormat Timbalan Speaker. Di sini tentu saya amat tertarik dengan soalan yang dibuat tadi kerana **hanya selepas pergi sebelah sana, baru membuat cadangan sedemikian.** [Ketawa] [Tepuk]

Berdasarkan DATA 4 di atas, ujaran tersebut dapat dikelaskan sebagai strategi penggunaan sindiran kerana Tuan Lim Guan Eng cuba menyindir Ahli Parlimen Kuala Krau dalam ujaran " Di sini tentu saya amat tertarik dengan soalan yang dibuat tadi kerana **hanya selepas pergi sebelah sana, baru membuat cadangan sedemikian.**" Ujaran tersebut ditujukan kepada Ahli Parlimen Krau kerana bertanya soalan berkaitan pemberian kuasa mengutip cukai daripada kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri. Justeru, Tuan Lim Guan Eng telah menggunakan strategi penggunaan sindiran terhadap Ahli Parlimen Kuala Krau kerana beliau hanya membuat cadangan tersebut setelah menjadi wakil rakyat pembangkang. Ujaran ini memerlukan pendengar atau pembaca menginterpretasikan maksud ujaran tersebut dengan betul bagi memahami maksud yang cuba disampaikan. Hal ini demikian kerana ujaran tersebut didapati mengandungi makna yang tersirat (makna yang terkandung atau tersembunyi). Penggunaan strategi oleh Tuan Lim Guan Eng juga ternyata bertujuan untuk menunjukkan perasaan hairan yang soalan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Kuala Krau tersebut. Justeru, sebelum Tuan Lim Guan Eng menjawab soalan yang diberikan, beliau telah menggunakan strategi penggunaan sindiran terhadap Ahli Parlimen Kuala Krau.

**6.0 PENUTUP**

Dalam kajian ini, pengkaji telah menemui aspek kesantunan dan ketaksantunan menerusi *hansard* atau Penyata Rasmi Perbahasan Parlimen Dewan Rakyat keempat belas, penggal pertama, mesyuarat pertama 2018. Pengkaji cenderung untuk mencadangkan kepada pengkaji-pengkaji seterusnya agar melakukan kajian aspek kesantunan dan ketaksantunan yang terdapat dalam perbahasan atau media sosial lain.

## RUJUKAN

- Abd. Wahid Jais dan Faezah Kassim. (2009). "Kesantunan Bahasa dalam Peradaban Melayu dari Perspektif Komunikasi" dlm Hasuria Che Omar, et. al., (pnytg). *Bahasa Verbal dan Bukan Verbal II: Linguistik, Sastera dan Peradaban*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad. Hlm 173-192.
- Brown, Penelope & Levinson, Stephen C.. (1978). *Politeness: Some Universals in Language Usage*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Brown, Penelope & Levinson, Stephen C.. (1987). *Politeness: Some Universals in Language Usage*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Culpeper, J. (1996). *Towards An Anatomy of Impoliteness*. *Journal of Pragmatics*. 25(3). Hlm 349-367.
- Culpeper, J. et al., (2003). *Impoliteness Revisited: with Special Reference to Dynamic and Prosodic Aspects*. *Journal of Pragmatic*. 35(2003). Hlm 1545-1579.
- Culpeper, J. (2005). *Impoliteness and Entertainment in the Television Quiz Show: The Weakest Link*. *Journal of Politeness Research: Language, Behaviour, Cultures*. 1(1). Hlm 35-72.
- Culpeper, J. (2011). *Impoliteness: Using Language to Cause Offence*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Fraser, Bruce & William Nolan. (1981). The association of deference with linguistic form. *International journal of the Sociology of Language*, 1981(27), 93-110.
- Marlyna Maros. (2011). *Strategi Kesantunan Melayu dalam Membuat Teguran*. dlm *Jurnal Elektronik Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu* Jilid 3. Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm 7-20.
- Nawal Fadhil Abbas. (2014). *Using (Im) Politeness Strategies to Achieve Social (Dis)harmony: A Pragmatic Analysis of M. L. Montgomery's Anne of Green Gables*. Disertasi Ijazah Kedoktoran. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia. ()
- Noriati A. Rashid. (2007). *Edisi Kedua: Kesantunan Orang Melayu dalam Majlis Pertunangan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Parlimen Malaysia. (2018). *Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat Parlimen Keempat Belas Penggal Pertama Mesyuarat Pertama*. <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-18072018.pdf>. Tarikh diakses 19 Julai 2018: 09. 32 PM
- Raduan Tambi. (2013). *Rukun Negara*. [http://www.penerangan.gov.my/dmdocuments/ebuku\\_rukun\\_negara/files/assets/common/downloads/publication.pdf](http://www.penerangan.gov.my/dmdocuments/ebuku_rukun_negara/files/assets/common/downloads/publication.pdf). Tarikh diakses 23 Oktober 2018: 10.41 PM.
- Strauss, A. & Corbin, J., 1997. *Basics Of Qualitative Research, Grounded Theory Procedures And Techniques*. Newbury Park: Sage.

## Biodata Penulis

**Khairul Izzat bin Amiruddin** lahir pada tahun 1992. Beliau mendapat pendidikan Diploma Pentadbiran Awam dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian) Bahasa Melayu Komunikasi Profesional di Universiti Teknologi Mara. Kini, beliau sedang melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana dalam bidang Pengajian Melayu di Universiti Malaya. Beliau konsisten bahawa pendidikan terutama dalam bidang Pengajian Melayu adalah sangat penting dan perlu diteruskan tanpa henti.

**Hasmidar binti Hassan** merupakan seorang pensyarah yang cukup berpengalaman di Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya. Kepakaran beliau adalah dalam bidang tatabahasa, pragmatik, semantik, semiotik, dan lain-lain. Ilmu beliau begitu luas dalam bidang akademik semenjak menjadi pensyarah dari USM lagi. Beliau juga sangat menitikberatkan mengenai bidang bahasa Melayu terhadap masyarakat di Malaysia.